

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat-maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Liberty PA Guard ini?

Liberty PA Guard ini memberikan perlindungan 24 jam di seluruh dunia untuk sebarang kecederaan yang disebabkan oleh semata-mata dan secara langsung dengan cara yang ganas, tidak disengajakan, luaran dan kelihatan dan menjadi penyebab tunggal dan langsung kematian atau hilang upaya kepada orang yang diinsuranskan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM175.24 setahun (termasuk cukai perkhidmatan dan duti setem), anda akan menerima perlindungan Pelan 1* berikut:

Andaian premium : Jumlah Diinsuranskan RM50,000, Individu, pekerja pejabat, Kelas 1 dan berumur 30 tahun.

Polisi ini melindungi:

No	Faedah-Faedah	Jumlah Diinsuranskan (RM)					
		Pelan 1*	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6
1	Kematian akibat kemalangan	50,000	100,000	200,000	500,000	1,000,000	2,000,000
2	Kecacatan kekal	50,000	100,000	200,000	500,000	1,000,000	2,000,000
3	Kehilangan seluruh upaya sementara (Had setiap minggu, sehingga 104 minggu)	50	50	100	250	500	750
4	Kehilangan upaya separa sementara (had setiap minggu, sehingga 104 minggu)	25	25	50	125	250	375
5	Bonus pembaharuan	20% setahun sehingga 100% Jumlah asas yang Diinsuranskan dari Manfaat 1 & 2					
6	Ganti Rugi Berganda kerana Kemalangan ketika menggunakan Pengangkutan Awam	Tersedia					
7	Perbelanjaan Perubatan (Termasuk kos Ambulan)	3,000	4,500	6,000	7,500	10,000	15,000
8	Perubatan alternatif	500	500	500	500	500	1,000
9	Pendapatan Hospital Harian akibat Kemalangan (sehingga 180 hari)	50	75	100	150	150	300
10	Pembetulan dan Pembedahan Pergigian	2,000	3,000	3,000	5,000	5,000	10,000
11	Elaun Perjalanan (RM200 seminggu)	2,000	3,000	3,000	5,000	5,000	5,000
12	Penjagaan Kejururawatan	500	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
13	Elaun Perkabungan	5,000	10,000	20,000	50,000	100,000	200,000
14	Elaun Pemulihan	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
15	Jaminan Kemasukan Tanpa Tunai (kemalangan sahaja)	Tersedia (Jumlah jaminan adalah tertakhluk kepada had yang ditetapkan dalam Manfaat 7.					
16	Liabiliti Peribadi	50,000	100,000	200,000	500,000	1,000,000	2,000,000
17	Penculikan – Perbelanjaan	5,000	5,000	5,000	10,000	10,000	10,000
	Penculikan - Ganjaran	25,000	25,000	25,000	50,000	50,000	50,000
18	Ragut	500	500	500	500	500	500
19	Faedah Prostesis/ Kerusi Roda	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	5,000
20	Perbelanjaan Penghantaran Balik	1,500	2,000	3,000	5,000	7,500	15,000
21	Perbelanjaan Pengubahsuaian Gaya Hidup	25,000	50,000	100,000	250,000	500,000	750,000
22	Perkhidmatan Mengemas Rumah	200	250	300	350	400	750
23	Perbelanjaan Pengembumian	2,000	3,000	3,000	5,000	5,000	10,000

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 88 8990



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

Pekerjaan Kelas	Kategori	Premium Tahunan (RM) (sebelum cukai perkhidmatan dan duti setem)					
		Pelan 1*	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6
Kelas 1 & 2	Individu	153	223	377	836	1,442	2,508
	Individu, Pasangan Suami/Isteri	281	407	679	1,505	2,596	4,520
	Individu & Kanak-kanak	285	392	632	1,291	2,136	3,523
	Individu, Pasangan Suami/Isteri & Kanak-Kanak	435	607	995	2,074	3,466	5,776
Kelas 3	Individu	248	367	636			
	Individu, Pasangan Suami/Isteri	358	528	912			
	Individu & Kanak-kanak	376	526	865			
	Individu, Pasangan Suami/Isteri & Kanak-Kanak	521	734	1,215			

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Polisi ini **tidak melindungi**:

- Risiko Peperangan;
- Bunuh Diri dan kecederaan yang disengajakan;
- Pembunuhan yang diprovokasi atau serangan;
- Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS);
- Kehamilan atau Kelahiran anak melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan;
- Melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang;
- Penyakit sedia ada;
- Sukan Berisiko Tinggi.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans Liberty PA Guard Plan 1 ini, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM153.00 (annually)
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak berkenaan
Premium Kasar	RM153.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM12.24
(+) Duti Setem	RM10.00
Jumlah perlu dibayar	RM175.24
Dimana ini termasuk:	
Komisen	25% dari premium asas atau RM38.25

Sila ambil perhatian bahawa Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.

4 Maklumat Penting Lain

- Anda mesti memberikan maklumat lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
 - Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan kegiatan peribadi anda.
 - Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan membatalkan semua tuntutan.
 - Kami berhak untuk memeriksa orang yang diinsuranskan semasa tuntutan dan sekiranya berlaku kematian, untuk melakukan bedah siasat di mana tidak dilarang di sisi undang-undang.
 - Sekiranya berlaku kemalangan, anda mesti memaklumkan kami dengan butir-butir penuh kemalangan / kecederaan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas kemalangan tersebut berlaku.
 - Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
 - Kelayakan –
 - Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap, atau penduduk / warga negara asing memiliki Permit Kerja / Pas Pekerjaan yang laku atau bekerja secara sah di Malaysia.
 - Dewasa mestilah berumur antara 18 tahun hingga 70 tahun, boleh diperbaharui sehingga umur 85 tahun.
 - Kanak-kanak mesti berumur antara 30 hari hingga 18 tahun (atau sehingga 23 tahun untuk pelajar sepenuh masa).
 - Kanak-kanak hanya dilindungi sehingga 15% daripada Faedah Dewasa 1, 2 dan 6.
 - Warga emas adalah merujuk kepada umur 71 tahun ke atas dan hanya meliputi separuh Manfaat Dewasa 1,2,6 dan 7.
 - Jumlah yang diinsuranskan untuk individu, pasangan suami/isteri dan anak-anak adalah terhad sehingga tiga (3) kali jumlah Dewasa yang Diinsuranskan. Had dinyatakan di atas.
 - Klasifikasi pekerjaan:
 - Kelas 1: Orang yang terlibat dalam pekerjaan profesional, pentadbiran, pengurusan, perkeranian dan bukan manual.
 - Kelas 2: Orang yang terlibat dalam kerja penyeliaan tetapi tidak terlibat dalam kerja manual
 - Kelas 3: Orang yang terlibat dalam kerja manual yang melibatkan penggunaan alatan atau mesin
 - Untuk pembelian insuran individu yang berjumlah RM2,000,000 pencadang diminta untuk melengkapkan dan mengemukakan Borang Soal Selidik Jumlah Tinggi yang ditandatangani oleh pencadang. Pelan 6 akan dirujuk kepada Pengunderaitan.
- Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan anda layak untuk menerima sebahagian bayaran balik premium (jika berkenaan).
- Tiada bayaran balik premium jika minimum premium dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk butiran penuh bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.